

Newspaper	Berita Harian
Date	2 June 2015

Tumpu 5 teras RMKe-11: PM

BH - 2/6/2015

» Penjawat awam perlu utama agenda kerajaan demi kepentingan negara, rakyat

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya



Najib memberi ucapan pada **Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri** di Dataran Perdana, Putrajaya, semalam. [FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

Penjawat awam diminta memberikan fokus kepada lima teras utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) sebelum Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Lima teras berkenaan adalah memastikan kerajaan mengamalkan dasar yang pro-pertumbuhan, prorakyat, pro-perniagaan, mesra alam sekitar dan menyumbang kepada pembinaan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan, penjawat awam dari peringkat pegawai sehingga anggota pentadbiran tidak boleh membiarkan perkara lain menarik perhatian mereka daripada agenda besar kerajaan demi kepentingan negara dan rakyat.

Pro-pertumbuhan

"Kita mesti menjadi kerajaan yang pro-pertumbuhan, iaitu dasar yang membawa kadar pertumbuhan tinggi atau sederhana tinggi. Jika tidak, kita akan menghadapi banyak kesukaran seperti kekurangan hasil, peluang pekerjaan, pelaburan dan sukar mengagih-

kan kekayaan negara agar lebih seimbang daripada segi kumpulan etnik dan wilayah.

"Apabila kita dapat mencapai kadar pertumbuhan mem-berangsangkan, kita boleh mengagihkan kekayaan dan menjadi kerajaan yang prorakyat atau dalam erti kata lain, ekonomi keperluan rakyat.

"(Antaranya memberi tumpuan) bagi kumpulan B40, menaikkan pendapatan isi rumah, menentukan kemahiran dan pendidikan lebih tinggi serta menangani masalah kos sara hidup," katanya pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, semalam.

Najib berkata, bagi memastikan kerajaan bersifat pro-perniagaan, sebarang urusan yang mampu menggerakkan

sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) supaya lebih pantas dan maju harus dipermudahkan, sejajar peranan penting mereka sebagai pemacu ekonomi negara.

"Jika ada apa-apa yang patut diputuskan yang membuat mereka menambah pelaburan, memudahkan perniagaan serta keputusan mereka, itulah yang perlu kita lakukan. Bukanlah kita menjadi halangan atau meletakkan rintangan.

"Kita juga mesti menjadi kerajaan yang mengamalkan dasar mesra alam sekitar dan menekankan pembangunan lestari. Banjir besar yang melanda sebahagian negara pada hujung tahun lalu menjadi pengajaran jika kita tidak menjaga alam sekitar maka ak-

hinya kita akan dihukum," katanya.

Prinsip IMalaysia

Selain itu proses pembinaan negara juga tidak boleh sekali-kali dilupakan dan dasar yang membawa kepada pengukuhan serta perpaduan antara kaum dan agama mesti dilaksanakan, berpaksikan falsafah kesederhanaan dan prinsip IMalaysia.

"Saya juga berharap sistem penyampaian perkhidmatan terus dipertingkatkan. Sudah ada kemajuan dan pencapaian memberangsangkan, tetapi masih ada ruang untuk dipertingkatkan supaya pentadbiran awam mendokong kita merealisasikan impian, inspirasi dan cita-cita kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.